

## UCAPAN PERDANA MENTERI, DI PEMBUKAAN SEMINAR RUKUNEGARA, DI SEKOLAH MENENGAH PEREMPUAN METHODIST, KUALA LUMPUR, PADA 20HB OGOS, 1971

Y.B. Tan Sri Fatimah,<sup>1</sup> Puan-puan sekalian,

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas jemputan puan-puan kepada saya dan isteri saya menghadiri Majlis Seminar Rukunegara ini dan merasmikan pembukaannya.

Seminar ini adalah satu usaha yang amat berguna kepada para peserta meliputi semua pertubuhan wanita, memberikan mereka kesempatan bagi mempelajari hikmat Rukunegara supaya mereka dapat mengembangkan pengajarannya sesama keluarga, mereka, di kalangan rakan-rakan sekerja, dan juga antara ahli-ahli persatuan masing-masing.

Rukunegara yang mengandungi lima prinsip utama, adalah hasil daya pemikiran kita sendiri, setelah kita mengkaji dan menimbangkan segala kemungkinan untuk masa hadapan kelak. Oleh itu, bolehlah ia dianggap sebagai piagam rakyat atau people's charter yang menentukan haluan masyarakat Malaysia untuk tahun-tahun akan datang. Saya percaya "vision" masyarakat hari depan seperti yang dibayangkan dalam Rukunegara iaitu satu masyarakat yang moden dan progresif—dengan sepenuh-penuh erti kata—bukan hanya diterima begitu saja tetapi menjadi inspirasi setiap rakyat untuk berusaha mencapainya.

Pada fikiran saya, kelima-lima prinsip Rukunegara itu adalah lengkap meliputi kehendak-kehendak kebendaan (material) dan juga rohani (spiritual). Kedua ini adalah sama pentingnya kerana hendaklah diingat, bahawa tanpa kekuatan rohani, kita tidak benar-benar mampu menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan. Ada pepatah yang berkata "not by bread alone," dan saya rasa kata-kata ini mempunyai makna yang besar pada kehidupan manusia. Kita dapat melihat keadaan masyarakat yang regimented menurut haluan sesuatu ideology yang tertentu dan

---

<sup>1</sup> Menteri Kebajikan Masyarakat 1971-1974.

meskipun rakyatnya menikmati taraf hidup yang agak tinggi, ternyata pula ada vacuum atau kekosongan dalam kehidupan masyarakatnya kerana ideologi tidaklah dapat memberikan kepuasan rohani itu.

Puan-puan sekalian,

Saya sungguh berbangga kerana Rukunegara ini diterima oleh masyarakat kita seluruhnya. Rukunegara dan juga Perlembagaan Negara adalah hasil dari penggalian sejarah kita sendiri dan disusun oleh ahli-ahli cerdek pandai kita. Kedua-dua ini bolehlah disifatkan sebagai sacred documents bangsa Malaysia yang diharapkan semuga kekal dipelihara, dipertahankan serta dijunjung tinggi hingga kepada puluhan jenerasi akan datang.

Saya percaya puan-puan akan pulang dari Seminar ini dengan pengetahuan yang lebih luas mengenai Rukunegara dan dengan keazaman yang penuh untuk memaju cita-cita murni itu. Meskipun, jalan yang di hadapan kita penuh dengan berbagai rupa kesulitan, saya yakin asal saja rakyat berpegang teguh menjunjung Rukunegara, semua halangan itu akan diatasi.

Sekali lagi saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih dan berharap semuga Seminar ini akan berjaya sepenuhnya.